

Umat Islam disaran kuasai bahasa Arab hayati al-Quran

KUALA LUMPUR 8 Sept. – Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mahu umat Islam di negara ini menguasai bahasa Arab baik dari segi penulisan mahupun pembacaan bagi membolehkan mereka kembali menghayati isi kandungan al-Quran.

Katanya, penghayatan sepenuhnya terhadap kandungan kitab suci itu boleh menjadikan mereka golongan yang maju, cemerlang dan disegani di dunia.

Beliau menjelaskan, al-Quran tidak seharusnya disimpan dan hanya dibaca pada waktu-waktu tertentu sebaliknya dijadikan bahan rujukan dan sumber ilmu pengetahuan untuk meneroka bidang-bidang

baru.

“Al-Quran bukan untuk disimpan sebagai azimat, bukan sekadar bahan rujukan di perpustakaan atau dilihat dan dibaca sesekali saja.

“Kitab suci ini memberi kita ilmu yang tiada batasnya secara lengkap seperti sains dan teknologi, kejadian alam serta kejadian manusia,” katanya ketika berucap pada majlis perasmian Pameran Al-Quran di Muzium Kesenian Islam di sini, hari ini.

Beliau turut menegaskan, pendekatan Islam Hadhari menjadikan al-Quran sebagai pedoman dalam melahirkan masyarakat yang lebih bertamadun.

“Saya sentiasa memberi ingatan bahawa

UM - 9/9/2006

Kitab suci ini memberi kita ilmu yang tiada batasnya secara lengkap seperti sains dan teknologi, kejadian alam serta kejadian manusia

**ABDULLAH
AHMAD BADAWI**
Perdana Menteri

untuk membangunkan Islam Hadhari, kita perlu menjadikan al-Quran sebagai petunjuk,” jelasnya lagi.

Pameran Al-Quran di Muzium Kesenian Islam yang berlangsung sehingga 31 Disember ini mempamerkan lebih 60 artifak koleksi muzium tersebut.

Selain mengetahui atau mendalami ten-

tang sejarah, keunikan dan keistimewaan al-Quran, pengunjung juga berpeluang melihat demonstrasi kaligrafi dan menyertai bengkel serta seminar yang dianjurkan.

Aktiviti untuk kanak-kanak turut disediakan seperti pertandingan melukis, mewarna, permainan dan bercerita.